



BEBERAPA penduduk mengharungi banjir untuk menunaikan solat jumaat di Masjid Putra, Kangar, semalam. – UTUSAN/FAIZAL ABU HASSAN



ABDUL Rahman Mohd. Noordin (kiri) bersama anggota polis trafik memeriksa lesen penunggang motosikal dalam 'Ops Banjir' dan Pencegahan Jenayah di Kangar, semalam.

Hanya 4,106 mangsa masih di pusat pemindahan

Banjir di Perlis makin surut

Oleh **MARZITA ABDULLAH**

utusanperlis@utusan.com.my

KANGAR 1 April - Banjir di negeri ini mulai surut apabila hanya 4,106 mangsa daripada 1,016 keluarga masih ditempatkan di 28 pusat pemindahan banjir sehingga pu-

kul 7 petang ini.

Jumlah tersebut berkurangan berbanding 4,032 mangsa daripada 1,013 keluarga ditempatkan di 33 pusat pemindahan pada pagi tadi.

Menurut jurucakap Bilik Gerakan Majlis Keselamatan Negara (MKN), sebanyak 17 pusat pemindahan te-

lah ditutup iaitu sembilan di Padang Besar, Arau (lima) dan tiga lagi di Kangar.

Katanya, di Kangar walaupun ada pusat pemindahan ditutup menjadikan jumlah yang beroperasi sebanyak 20 buah, namun jumlah mangsanya adalah yang te-

ramai iaitu 3,375 orang daripada 904 keluarga.

Di Arau pula, katanya, jumlah mangsa 552 orang daripada 136 keluarga yang ditempatkan di enam pusat pemindahan.

Sementara itu di Padang Besar pula, hanya dua pusat pemindahan

masih beroperasi bagi menempatkan 89 mangsa daripada 24 keluarga.

Walaupun jumlah mangsa berkurangan, semua pihak masih mengambil langkah berjaga-jaga berikutan hujan lebat yang berterusan sejak awal pagi ini.